

## Pengurusan Islam Sebagai Alternatif kepada Amalan Pengurusan Pengetua Cemerlang di Sekolah Menengah di Malaysia

Siti Sumaiyya Salim<sup>1\*</sup>, Soaib Asimiran<sup>2</sup>, Fathiyah Mohd Fakhrudin<sup>3</sup> & Shamsudin Othman<sup>4</sup>

<sup>1,2</sup> Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

<sup>3,4</sup> Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

### ABSTRAK

Pengurusan dalam institusi sekolah merupakan satu elemen penting kerana pengurusan yang berkualiti dapat memastikan kecemerlangan sekolah dalam bidang akademik, kokurikulum dan sahsiah murid. Pengurusan Islam adalah landasan yang kuat dan sangat relevan kerana bersumberkan al-Quran dan as-sunnah. Oleh itu, kertas kerja ini membincangkan tentang pengurusan Islam sebagai satu alternatif kepada Pengetua Cemerlang di sekolah menengah di Malaysia. Perbincangan ini memberi tumpuan kepada konsep dan model Pengurusan Islam, peranan Pengetua Cemerlang, realiti amalan Pengurusan Islam serta usaha bagi merealisasikan amalan Pengurusan Islam di sekolah. Secara kesimpulannya, gabungan Pengetua Cemerlang dan Model Pengurusan Islam yang dianggap lebih holistik untuk dilaksanakan dalam organisasi sekolah merupakan satu alternatif dalam pelaksanaan tuntutan transformasi serta menangani cabaran pendidikan alaf ke-21.

**Kata Kunci:** Amalan Pengurusan, Pengurusan Islam, Pengetua Cemerlang

### ABSTRACT

Management of the school institution is a vital element in ensuring the school success. Islamic Management is seen as a powerful platform which is highly relevant as it is based on the Quran and Sunnah's teachings. Thus, this study looks into Islamic Management as an alternative for Super Principals in secondary schools in Malaysia. The discussion focuses on the concept and the model of Islamic Management, the roles of Super Principals, the reality of Islamic Management practices and efforts to realize the Islamic management to be practiced in school. As a conclusion, the amalgamation of Super Principals and the Islamic Management practices is viewed as holistic and should be implemented in school organization as a successful alternative and it is able to meet the highly challenging education environments and expected transformation in the 21<sup>st</sup> century learning.

**Keywords:** Mangement Practices, Islamic Management, Super Principal

### PENDAHULUAN

Dunia pengurusan organisasi pada alaf 21 yang mengalami perubahan drastik kini menjadi semakin mencabar dan kompleks (Ayob, 2005). Pengurusan yang berkualiti dan mampan adalah penting untuk memastikan sesebuah organisasi atau kumpulan dapat bekerjasama menuju matlamat dan objektif yang telah dirancang bersama. Menurut Faridah Jair dan Nurafiqah Mohd Taip (2013), pengurusan merupakan penyelarasan tenaga manusia dan sistem pelaksanaan yang bermatlamatkan pencapaian baik organisasi. Siti Arni Basir et al. (2013) menambah bahawa kerjasama secara sukarela turut menyumbang ke arah pencapaian matlamat organisasi. Lebih-lebih lagi dalam konteks pendidikan, sebuah institusi sosial yang memainkan peranan penting dalam usaha mencapai objektif dan matlamat sosial, sudah tentu aspek pengurusan menjadi lebih mustahak dan kritikal.

\* Corresponding author: [ctsumaiyya@gmail.com](mailto:ctsumaiyya@gmail.com)

Terdapat persetujuan yang menyeluruh menyatakan bahawa kemajuan sesebuah sekolah adalah berfungsi secara langsung dengan pengurusan dan kepimpinan (Khasif et al., 2015; Mohamed Sulaiman et al., 2014, Tang Keow & Zainab Ali, 2014 dan Ghani et al., 2013). Hampir semua model kemajuan, keberkesanan, perubahan dan kualiti institusi atau organisasi mendapati bahawa terasnya adalah kehadiran elemen kepengetuaan dan pengurusan cemerlang (Norasmah & Kamaruzzaman, 2008 dan Adanan & Khairuneezam, 2012). Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan lapan tonggak utama yang strategik, sistematik dan sinergik dalam usaha menuju transformasi pendidikan yang berkualiti demi mencapai matlamat, dasar, misi dan hala tuju pendidikan negara (Hussein, 2014). Pengurusan adalah tonggak yang keenam iaitu berkenaan corak kepimpinan dan pengurusan di peringkat organisasi sekolah yang perlu dimantapkan.

Jika diperhatikan, cabaran bagi ketua organisasi sekolah bukan sahaja daripada segi merangka satu bentuk pengurusan sekolah yang berkualiti tetapi memerlukan usaha yang jitu dan mantap daripada segi pelaksanaan atau amalan pengurusan yang berkesan, ditambah lagi dengan faktor daya saing sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Ini kerana, kecemerlangan sesebuah organisasi sekolah tidak dapat diwarisi atau diperoleh secara kebetulan (Misyati, 2011) tetapi sangat berkait rapat kepada sejauh mana kepekaan pengurus institusi tersebut melaksanakan amalan pengurusan dengan baik dan berkesan. Menurut Alimuddin (2006), laporan Jemaah Nazir Sekolah juga menyokong bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecemerlangan sekolah dengan kecemerlangan pengurusan dan kepimpinan. Dalam erti kata lain, kemajuan dan kecemerlangan organisasi khususnya sekolah bergantung kepada strategi pengurusan pengetua yang cekap dan berkualiti.

Islam menyediakan umatnya dengan sebuah sistem hidup yang lengkap. Sistem pengurusan ini telah melalui fasa sejarah yang panjang bermula dengan agama Islam diperkenalkan kepada manusia sebagai pegangan dan panduan hidup di muka bumi ini (Razaleigh, 2015). Oleh itu, konsep pengurusan Islam perlu difahami sedalam-dalamnya kerana pelaksanaannya menjangkau ideologi moden dan sifatnya yang universal mencakupi keseimbangan dunia dan akhirat sehingga mampu diadaptasi dalam corak pengurusan moden sekarang.

Strategi pengurusan Islam amat penting bagi sesebuah organisasi supaya dapat beroperasi secara sistematik ke arah matlamat yang holistik iaitu *al-falah* di dunia dan di akhirat (Izzaty, Ahmad dan Zulkefli, 2015). Pengurus yang merujuk kepada al-Quran yang *syumul* pasti melaksanakan satu bentuk pengurusan istimewa dan lebih terhadap kerana adab dan akhlak digabungkan dengan keseluruhan elemen dalam organisasi dan dijadikan teras utama menuju kejayaan. Sehubungan itu, amalan Pengurusan Islam oleh Pengetua Cemerlang dapat membawa perubahan yang efektif dan memberi sumbangan besar kepada kecemerlangan sekolah yang lebih menyeluruh sifatnya (Ibrahim & Don, 2014).

### **Konsep Pengurusan Islam**

Islam sangat menitikberatkan soal pengurusan dan memandang serius perkaitannya dengan kemajuan dan kemunduran sesebuah organisasi. Teori dan praktik pengurusan juga tidak terbatas pada organisasi perniagaan semata-mata, bahkan turut diamalkan oleh ahli politik, negarawan, pentadbir awam dan swasta, suami, isteri serta kanak-kanak. Gaya dan corak pengurusan menjadi faktor penting dan menjadi skop utama yang perlu diberi penekanan. Contoh gaya pengurusan cemerlang yang paling mudah dan hampir ialah Rasulullah SAW yang telah menggunakan kemahiran pengurusan sewaktu baginda berdagang ketika itu bagi pihak bakal isterinya Siti Khadijah RA. Pengurusan Islam yang bersifat holistik ini menggabungkan aspek profesional yang bersifat Islami dan kemanusiaan. Menurut kajian dan penulisan Sarjana Muslim akhir-akhir ini seperti Ab. Aziz (2007), Bitty Salwana (2009), Siti Arni (2010), Hasan al Banna et al. (2013) dan Razaleigh (2015), sistem pengurusan alternatif ini berkonsep sarwajagat yang meliputi kepuasan hakiki kerana mencapai keredhaan Allah di samping memperolehi kejayaan cemerlang di dunia dan kebahagiaan abadi di akhirat.

Pengurusan Islam bertitik tolak daripada Tuhan Rabb al-‘Alamin yang jelas dinyatakan dalam surah al-Fatihah iaitu Allah sebagai pengurus dan pentadbir alam. Ketertiban perjalanan alam ini adalah jelmaan gaya pengurusan Allah yang berteraskan kasih sayang (ar-Rahman ar-Rahim). Gaya pengurusan penyayang inilah yang mencetuskan keharmonian alam di mana wujudnya hubung kait dalam kalangan makhluk sementara manusia sebagai khalifah (pengurus alam). Di sinilah bermulanya tugas manusia, iaitu sebagai pengurus manusia sebagaimana yang diisyaratkan dalam surah al-Zukhruf ayat 32:

*“Apakah mereka yang membahagi-bahagikan rahmat Tuhanmu? Kamilah yang menentukan penghidupan mereka dalam kehidupan dunia, dan Kami telah meninggalkan sebahagian daripada mereka ke atas sebahagian yang lain beberapa darjat, agar sebahagian mereka dapat memanfaatkan sebahagian yang lain. Dan rahmat Tuhanmu lebih baik daripada apa yang mereka kumpulkan.”*

Ayat di atas menunjukkan pengurusan yang baik dan efisien harus memastikan tidak ada potensi yang terabai pada golongan sasaran dan tidak ada golongan yang terbiar. Hikmah disebalik penciptaan manusia yang berbeza-

beza daripada segi pangkat dan bakat, iaitu untuk saling memberikan khidmat antara satu dengan lain, iaitu untuk kesejahteraan manusia. Oleh yang demikian, menurut perspektif Islam, pengurusan adalah sebahagian daripada misi pengabdian kepada Pencipta dan kebaktian kepada manusia. Pengurusan yang holistik harus dapat memenuhi tuntutan dua pihak: keperluan manusia dan keredhaan Allah. Sesungguhnya kepercayaan tentang setiap tindak tanduk akan tetap dipersoalkan dan manusia bertanggungjawab melaksanakannya atas paksi keesaan yang utuh akan membuah hasil yang terbaik seterusnya akan memacu perubahan yang berterusan (continuous improvement) dan mencapai tahap berkualiti (Total Quality Management).

Corak dan gaya pengurusan Islam menerapkan perasaan kehadiran Ilahi (the presence of God) di dalam diri seluruh ahli organisasi tanpa mengira pangkat. Hasil kajian lepas daripada Barat atau Timur juga mengakui bahawa pengurusan sambil lewa akan melahirkan kesan negatif terhadap organisasi (Hassan al-Banna et al., 2013 dan Liu, 2011). Kesimpulannya, amalan pengurusan Islam ini sudah tentu memberi sumbangan besar dan impak yang lebih berkesan. terkesan, seterusnya menjadi alternatif terbaik kepada amalan pengurusan Pengetua Cemerlang di Sekolah Menengah.

## **MODEL PENGURUSAN ISLAM**

### **Ciri-ciri Pengurusan Islam**

Dalam sejarah pengurusan, sarjana dan ilmuwan terdahulu telah menghasilkan beberapa teori dan model pengurusan. Hasilnya pelbagai strategi pengurusan telah diperkenalkan bagi mencapai visi dan misi sesebuah organisasi. Pada era ini, di Malaysia, pengurusan Islam sudah mula disuburkan kembali dan menjadi pilihan utama kebanyakan pengetua-pengetua cemerlang untuk mencapai visi dan misi Kementerian Pendidikan Malaysia sekaligus memenuhi tuntutan Wawasan 2020. Pengurusan Islam mendapat tempat dan dilihat lebih sesuai dalam mendepani arus perubahan dan mampu mendapatkan hasil yang menyeluruh (Al-Banna, Ab. Mumin, & Arni, 2013).

Hakikatnya, amalan Pengurusan Islam bermula dari zaman Rasulullah SAW lagi, kemudian diteruskan oleh Khulafa ar-Rasyidin sehingga ilmu pengurusan ini berkembang sedikit demi sedikit seiring dengan berkembangnya dakwah Islamiah sehingga ke era kini. Teori pengurusan Islam adalah berlandaskan dua dalil kukuh, iaitu al-Quran dan as-Sunnah yang merangkumi prinsip-prinsip asas yang membentuk suatu sistem pengurusan yang lengkap. Sistem rabbani ini bersifat menyeluruh kerana meletakkan perhatian kepada pelbagai ruang dan sudut amalan pengurusan dalam organisasi sama ada bersifat lahiriah atau zahiriah (Ab Mumin, Siti Arni, & Hasan Al-Bana, 2012). Maka, pengurusan Islami ini sudah pasti merupakan yang terbaik kerana mempunyai panduan dan perancangan yang sempurna. Selain itu, nilai-nilai kemasyarakatan dalam organisasi turut ditekankan kerana dianggap mustahak dan sangat mempengaruhi etika pengurusan (Ahmad Ibrahim Abu Sin, 1991).

### **Prinsip Pengurusan Islam**

Sistem Pengurusan Islam ialah suatu sistem pengurusan berbentuk Keesaan kerana menghubungkan falsafah kehidupan manusia dengan wahyu Allah SWT. Tentu sekali, Sistem Pengurusan Islam jauh lebih sempurna berbanding dengan sistem-sistem pengurusan yang lain kerana sistem ini bersifat syumul atau lengkap yang mencakupi aspek jasmani, rohani, akal dan kepentingan sejagat. Hal ini jauh berbeza dengan Sistem Pengurusan Konvensional yang lebih fokus kepada kejayaan material sahaja iaitu berkonsepkan impak lahiriah dan mengabaikan nilai-nilai keagamaan dan etika kemanusiaan (Mohd Yusof, 2013).

Berdasarkan kenyataan di atas, jelas menunjukkan wujud perbezaan antara pengurusan konvensional dengan falsafah dan matlamat Pengurusan Islam. Pengurusan Islam menerima konsep paradigma tauhid dengan menggandingkan urusan dunia seiring dengan urusan akhirat manakala pengurusan Konvensional hanya mementingkan dunia semata-mata dengan menerima pandangan hidup materialistik dan sekular. Hadis Nabi SAW yang bererti:

*“Bukanlah orang yang paling baik di antara kamu adalah orang yang meninggalkan kepentingan dunia untuk mengejar akhirat atau meninggalkan akhirat untuk mengejar dunia sehingga dapat memadukan keduanya. Sesungguhnya kehidupan dunia menghantarkan kamu menuju kehidupan akhirat. Janganlah kamu menjadi beban orang lain.”*

(H.R. 'Asakir dan Anas)

Firman Allah SWT:

*“Dan demikian pula Kami telah jadikan kamu (umat Islam) “umat pertengahan” agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu. Kami tidak menjadikan (kiblat) yang dahulu kamu (berkiblat) kepadanya, melainkan agar Kami*


mengetahui siapa yang mengikuti Rasul dan siapa yang berpaling ke belakang. Sesungguhnya, (peralihan kiblat) itu sangat berat, kecuali bagi orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah. Dan Allah tidak akan mensia-siakan imanmu. Sesungguhnya Allah Maha Pengasih, lagi Maha Penyayang kepada manusia.”

(Surah al-Baqarah: 143)

Jika diperhatikan ayat al-Quran ini dengan terperinci, Allah memberi gambaran bahawa umat Islam berada pada kedudukan yang strategik, iaitu titik tengah bagi sebuah bulatan yang mampu menyaksikan gelagat manusia lain secara menyeluruh di sekelilingnya dan sunnah Rasul pula menjadi ikutan bagi orang-orang Islam.

Sebagai perbandingan dengan model pengurusan lain, Pengurusan Jepun sebagai contoh, mementingkan konsep kerja sejak lahir hingga mati mereka berlumba-lumba untuk mencapai kejayaan dan keuntungan sebanyak mungkin yang hanya bersifat sementara. Pengurusan barat pula lebih menjurus ke arah memaksimumkan produktiviti, kualiti dan keuntungan dalam mencapai kemajuan dan kejayaan. Mereka sering membincangkan kualiti atau mutu kerja sehingga kualiti dijadikan sebagai cara hidup untuk menjadi negara maju. Pelbagai teori dan model konvensional wujud dan sentiasa berkembang bermula dengan teori pengurusan Frederick Taylor (1841-1925), kemudian muncul teori *Path-Goal* (Laluan Matlamat) oleh Robert J House (1971) hingga ke abad 21 ini timbul pula konsep pengurusan pengetahuan (*Knowledge Management*) yang memperkenalkan model DIKW (*Data-Information-Knowledge-Wisdom*). Kesemuanya ini masih belum lengkap dalam erti kata ia bersifat kebendaan dan keuntungan di dunia semata-mata.

Hal ini jelas berbeza dengan pengurusan Islam ukuran mutlak kejayaan bukan pada kepuasan pelanggan tetapi keredhaan Allah (mardatillah). Beberapa sarjana Islam telah mengemukakan beberapa model Pengurusan Islam yang dianggap sebagai alternatif kepada pengurusan kontemporari, iaitu Model NOPEN (Niat, Objektif, Proses, Natijah) (YaPEIM, 2005) dan Model Pengurusan Dengan Syura (PDS) (Mohd Affandi, 1985), Dalam artikel ini, penulis memperkenalkan satu model yang berfokus kepada prinsip asas pengurusan Islam yang membawa kesan yang lebih efektif dan berkualiti jika diamalkan di peringkat pelaksanaan. Prinsip asas ini digambarkan dalam Model Pengurusan Islam (MPI) sebagaimana Rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Model Pengurusan Islam

(Adaptasi Model Pengurusan Dengan Syura (Mohd Affandi, 1985), Model Niat, Objektif, Proses, Natijah (YaPEIM, 2005) dan Model Atribut Teras Kepenggunaan (National Standards for Headteachers in Wales, 2004).

Model di atas merupakan gabungan Model Atribut Teras Kepenggunaan (*National Standards for Headteachers in Wales, 2004*), Model PDS (Mohd Affandi, 1985) dan Model NOPEN oleh YaPEIM, 2005. Model Atribut Teras Kepenggunaan menjelaskan bahawa tiga elemen penting yang membawa kepada tindakan (amalan) seseorang pengetua ialah pengetahuan dan kemahiran (Kemanusiaan), kualiti dan nilai personal (Etika) serta ciri-ciri profesional. Manakala YaPEIM meletakkan niat sebagai titik tambah kepada proses pengurusan

sebelum sesuatu perancangan dibuat kerana niat yang baik membawa kepada natijah yang baik. Manakala model PDS meletakkan tiga elemen utama yang perlu ditetapkan untuk mencapai matlamat iaitu pertama: penetapan falsafah pengurusan (berdasarkan kitab suci al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW, kedua: pengurusan yang mempunyai watak dan akhlak yang tinggi dan yang ketiga: amalan pengurusan yang mempunyai jaminan dunia dan akhirat.

### **Pelaksanaan Amalan Pengurusan Islam**

Gabungan model dan teori di atas membentuk satu Model Pengurusan Islam (MPI) yang bermatlamatkan *al-Falah* iaitu kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. MPI menggambarkan sistem pengurusan Islam yang lengkap dan sistematik kerana berpandukan kepada Al-Quran dan As-Sunnah. Prinsip pengurusan yang dikemukakan nyata, proses pengurusan juga teratur iaitu bermula dengan niat yang jelas, perancangan dan pengorganisasian yang sistematik, kepimpinan yang tegas dan tolerans, pengawasan yang menyeluruh dan penilaian yang terperinci tetapi mempunyai asas yang kukuh untuk mendapat keredhaan Allah SWT dan tidak semata-mata bersandarkan kebendaan dan keduniaan sahaja.

Dengan merujuk kepada MPI, pelaksanaan amalan pengurusan Islam oleh Pengetua Cemerlang dilihat bermula dengan ketinggian peribadi pengetua yang sentiasa ditonjolkan di sekolah. Robert (2002) menekankan bahawa peribadi mulia merupakan hati seorang ketua. Apabila ketua itu baik, maka baiklah sesebuah organisasi tersebut. Kepimpinan seseorang tidak akan terserlah sekiranya pemimpin tersebut tidak mempunyai nilai-nilai baik untuk ditonjolkan dalam mempengaruhi orang lain. Pemimpin yang dapat menyerlahkan nilai-nilai baik mudah mempengaruhi orang lain memenuhi matlamat kepimpinannya (Northouse, 2007). Suffian (2009) juga sependapat dengan mengatakan pemimpin yang baik ialah pemimpin yang mampu memberi contoh yang baik kepada orang yang dipimpin.

Perkara kedua ialah cara bekerja yang digunapakai oleh pengetua cemerlang semasa mentadbir sekolah. Dalam penulisan Shahril (2010), beliau memfokuskan kepada tindakan pengetua dalam menunjukkan jalan dan mempengaruhi warga sekolah untuk sama-sama melaksanakan misi bagi mencapai visi sekolah iaitu semata-mata untuk mencari keredhaan Allah. Ini kerana asas pertimbangan seorang pengetua adalah tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah, serta menerima kehidupan sebagai suatu ujian.

Akhir sekali selain mengabdikan diri kepada Allah SWT, pengetua cemerlang diamanahkan untuk membina dan menjaga jalinan hubungan baik dengan persekitaran dan ahli organisasi. Pengetua cemerlang mampu membentuk suasana sihat dan menyenangkan, memupuk dan memelihara kesediaan untuk bekerjasama di dalam organisasi bagi menuju pencapaian matlamat dan objektif yang satu secara bersama sehingga timbul rasa kepunyaan terhadap organisasi. Pemupukan semangat kekitaan terhadap organisasi ini boleh disemai melalui penghargaan ke atas usaha yang dilakukan dengan cara penyediaan tempat, kemudahan, kebajikan yang baik dan sesuai bagi melahirkan suasana dan budaya kerja yang kondusif.

### **Peranan Pengetua Cemerlang**

Pengetua Cemerlang merupakan suatu konsep yang diilhamkan oleh Tan Sri Dr Wan Zahid bin Wan Mohd Nordin dan diperkenalkan sejak 1995 sebagai insentif dalam menghargai atau mengiktiraf usaha dan kredibiliti pengetua. Pengetua cemerlang adalah individu terpilih dalam kalangan pengetua yang dilantik secara rasmi oleh Kementerian Pelajaran Malaysia di bawah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian. Mereka mempunyai kepakaran, berpotensi tinggi dalam pengurusan pendidikan dan menunjukkan mutu kecemerlangan dalam kepimpinan (KPM, 2013).

Pengetua Cemerlang adalah agen penggerak yang paling penting di sekolah sehingga menjadi wahana utama yang dibincangkan oleh kementerian dan diberi penyelesaian bersepadu daripada sudut beban tugas, pembangunan profesional berterusan, kemajuan kerjaya dan pengurusan prestasi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Mohd Razi (2013) pula menyatakan bahawa sebagai penjawat awam, pengetua dikatakan berjaya menjalankan tugas sebagai pengurus sekolah dengan baik apabila beliau berusaha melakukan yang terbaik untuk organisasi dengan cara Islam iaitu dengan menyedari tugas dan tanggungjawab sebagai pemimpin Muslim serta menjadikan dirinya sebagai *qudwah hasanah* kepada para guru, staf dan pelajar.

Pemimpin sekolah yang cemerlang menjadi tunjang kepada pelaksanaan sistem pengurusan yang cemerlang. Di sinilah letaknya peranan dan fungsi seorang pengetua cemerlang sebagai ketua pengurusan sekolah. Menurut Razali (2006), gaya kepimpinan seorang pengetua memainkan peranan penting dalam menentukan halatujua sesebuah sekolah. Perkara ini seiring dengan pendapat Misyati (2011) bahawa penambahbaikan kualiti dan pengekalan kecemerlangan dapat dicapai menerusi kekuatan dalaman yang dimiliki oleh sesebuah sekolah. Oleh itu, mereka perlu sentiasa bersedia dan dinamik dalam menghadapi cabaran daripada perubahan yang berlaku.

Ini sangat bersesuaian dengan maksud hadis riwayat Muslim, daripada Abu Said al-Khudri, Nabi Muhammad S.A.W. bersabda:

*“Sesungguhnya dunia adalah manis dan indah. Allah telah menjadikan kamu sebagai khalifah di dunia. Lalu Allah melihat bagaimana kamu beramal.”*

*(Kitab Shahih Muslim, Bab Aktsar Ahl al-Jannat al-Fuqara’, hadith no. 4925).*

Secara jelasnya, seorang pengetua merupakan individu penting yang boleh mencorakkan pencapaian cemerlang sekolah melalui keperibadian dan keterampilan diri serta semangat dedikasi yang tinggi. Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam ucapan perasmianya semasa Persidangan Kebangsaan Pengurusan Pendidikan Pengetua-Pengetua Sekolah Malaysia kali ke-50 di Subang Jaya, Selangor pada Jun 2013 menegaskan bahawa ilmu kepengetuaan yang dimiliki pengetua dapat membantu mentadbir dan mengurus pelbagai kemahiran dalam proses menuju kecemerlangan sekolah. Dapatan kajian oleh Hallinger dan Murphy (1985) terhadap sepuluh orang pengetua di California menyokong pendapat bahawa pengetua secara umumnya terlibat secara aktif dalam pengurusan sekolah. Bahkan, pengetua yang profesional dalam melaksanakan tanggungjawab memimpin dan menjadikan sekolah yang dipimpinnya berkesan adalah berasaskan kepada kebolehan, ketrampilan dan pengetahuan yang dimilikinya.

Sehubungan itu, pengetua cemerlang dilihat berkebolehan membawa sekolahnya ke persada pendidikan nasional dan antarabangsa yang sentiasa berubah dan mencabar. Ini kerana keupayaan pengetua membolehkan dia melihat cabaran sebagai sesuatu yang positif lantas berusaha untuk mengatur langkah-langkah untuk mengenal pasti sebarang ancaman yang wujud dan menukarkannya kepada bentuk peluang. Dengan kata lain, pengetua selaku pemimpin di sekolah mestilah tahu menggunakan kuasa yang dimiliki dengan baik (Messier, 2005, Anderson, 2006, Johnson 2006, Baldwin-Nye, 2007). Natijahnya, Pengetua Cemerlang mampu memimpin sekolah dan perjalanannya serta peka kepada arus peredaran dan perubahan dari semasa ke semasa.

Berdasarkan perspektif Islam, duniawi dan ukhrawi tidak boleh dipisahkan, malah segala perlakuan di dunia menentukan hasil di akhirat kelak. Oleh sebab itu, soal kepemimpinan amat dititik beratkan. Perkara ini jelas dibuktikan berdasarkan hadith riwayat Bukhari dan Muslim daripada Ibnu Umar R.A. Nabi SAW bersabda yang bererti:

*“Maka kamu semua adalah pemimpin dan kamu semua akan ditanyai akan kepimpinannya.”*  
*(Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-Jum’ah, hadith no. 853 dan hadis riwayat Muslim, Kitab al-Imarah, hadith no.1829).*

Menurut hadith riwayat Ibnu ‘Amru bin al ‘As pula, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*“Sudah cukup bagi seseorang yang mendapat dosa jika ia mensia-siakan orang yang di bawah sasarannya.”*

Hadith ini merupakan peringatan kepada seorang pemimpin terhadap tanggungjawabnya kepada orang di bawah tanggungannya. Oleh yang demikian, pemimpin yang melaksanakan amalan pengurusan Islam mampu membawa organisasi ke arah kecemerlangan kerana bertindak cemerlang dalam semua tindak tanduk kepimpinannya.

Kejayaan institusi sekolah ditentukan oleh pengurusan dan kepimpinan pengetua. Pengetua Cemerlang merupakan enjin penggerak yang dinamik dapat menyokong kemajuan sesebuah sekolah yang dipimpin. Menurut Anwar Ramah dan D. Mahmoud (2012) dalam penulisannya: “the success of any school is mainly based on the quality of the manager’s selection of the type of appropriate leadership.” Berdasarkan kajian lepas, majoriti sarjana bersetuju bahawa kepimpinan pengetua adalah tunjang utama kepada merealisasikan hasrat dan misi pendidikan negara di peringkat pelajaran menengah (Hassan al Banna et al., 2013; Ayunni Jasni, 2013). Dengan itu, Pengetua Cemerlang yang mempunyai elemen kepimpinan Islam sudah tentu berupaya mengurus pimpinannya menuju aspirasi pendidikan berkualiti.

### **Kepentingan Amalan Pengurusan Islam**

Amalan pengurusan Islam amat menitikberatkan nilai dan etika kerja dalam sesebuah organisasi. Ia berperanan dalam membina peribadi yang berakhlak mulia dan bermoral tinggi. Bagi organisasi sekolah, nilai etika kerja adalah unsur yang sangat penting kerana setiap kakitangan sekolah perlu memiliki tingkahlaku yang sempurna sebagaimana yang dikehendaki oleh masyarakat. Abdul Majid (2013) bersetuju bahawa kecerdikan akal atau kecanggihan teknologi bukan ukuran sebenar kemajuan sesebuah organisasi tetapi penghayatan nilai murni, akhlak mulia dan etika yang baik adalah indikator yang mampu melahirkan modal insan yang seimbang.

Berdasarkan pernyataan tersebut, jelaslah bahawa nilai-nilai Islam dapat membentuk satu kawalan bagi memastikan perlakuan ahli-ahli organisasi sentiasa selaras dengan sistem nilai dan etika kerja. Natijah daripada pelaksanaan dan amalan nilai murni dalam konteks pengurusan sekolah dapat menyumbang ke arah prestasi dan kualiti perkhidmatan serta memberi kesan kepada keharmonian dan kesejahteraan warga sekolah. Perkhidmatan cemerlang, pencapaian matlamat yang maksimum dan pengurusan berkualiti merupakan matlamat utama setiap organisasi sekolah. Semua ini tidak akan tercapai tanpa wujudnya budaya kerja yang berlandaskan nilai etika kerja Islam. Oleh itu, penghayatan nilai-nilai Islam merupakan satu bimbingan ke arah pembentukan akhlak yang mulia dalam menggerakkan guru-guru untuk memberi sumbangan yang lebih berkesan dalam meningkatkan prestasi dan kecemerlangan sesebuah sekolah.

Terdapat banyak kajian terdahulu yang turut membincangkan tentang amalan pengurusan yang berkualiti dalam sesebuah organisasi dan mendapati natijah akhir kajian adalah meningkatkan prestasi organisasi antaranya Lokman. (2013) dan Hassan Al-Banna & Siti Arni (2011). Semasa pemerintahan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beliau telah memperkenalkan prinsip “Wasatiyyah” iaitu keseimbangan dalam pengamalan yang bermatlamat untuk membangunkan Malaysia dalam acuan Islam, bukan berasaskan kemajuan Barat semata-mata. Prinsip ini jika dijalankan dengan serius dalam bidang pendidikan dengan matlamat melahirkan modal insan yang mempunyai ketinggian intelektualiti.

### **Ke Arah Merealisasikan Amalan Pengurusan Islam**

Dunia pendidikan kini kian bergelora hasil daripada pelbagai desakan, pengaruh dan fahaman baru yang tidak lagi mementingkan kebenaran dan hakikat serta fitrah hidup. Sistem Pengurusan Konvensional dilihat semakin mantap dan menjadi pilihan bukan sahaja dalam kalangan negara-negara maju tetapi juga negara-negara mundur yang majoritinya adalah negara Islam. Begitu juga di Malaysia, walaupun Sistem Pengurusan Islam adalah sistem pengurusan yang holistik, sistematik dan praktik, namun masih tidak diyakini oleh pihak pengurusan tertinggi iaitu Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menjadi dasar dan amalan dalam sesebuah organisasi pendidikan kerajaan. Akibatnya, dasar dan amalan hanya di peringkat minimum oleh pihak-pihak tertentu.

Oleh yang demikian, penulis ingin mengembalikan zaman kegemilangan Islam dan membuktikan bahawa Pengurusan Islam adalah pengurusan yang terbaik dan paling relevan untuk diamalkan sebagai asas pembangunan masyarakat yang bertamadun dan berakhlak. Kesedaran tentang kepentingan kemurnian Islam dalam pengurusan amat ketara di seluruh dunia dalam dekad 70-an. Sebagai contoh, Malaysia memperkenalkan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran pada tahun 1985 dan merealisasikannya bermula dengan jabatan-jabatan kerajaan. Akhirnya terserlah identiti negara Islam dalam pentadbiran beberapa organisasi sehingga munculnya Sekolah-sekolah Menengah Agama, Universiti Islam, Bank Islam, Insurans Takaful Islam dan pelbagai lagi.

Di peringkat organisasi sekolah, pengkaji berpendapat bahawa Pengetua Cemerlang ialah insan yang paling sesuai untuk merealisasikan Pengurusan Islam secara berperingkat. Pengetua Cemerlang mampu mengamalkan pengurusan Islam dengan menerapkan budaya kerja Islam sama ada secara langsung atau tidak langsung di sekolah. Menurut Ahmad Zabidi (2006), Islam melihat sesebuah sekolah berkesan sebagai masih belum sempurna selagi tiada suasana keagamaan (iklim diini), khususnya jika majoriti warga sekolah sama ada pelajar, guru dan kakitangan beragama Islam. Suasana sekolah yang mencerminkan ciri keislaman yang sebenar, boleh menyediakan persekitaran harmoni dan melahirkan kasih sayang, hormat-menghormati serta pelaksanaan aktiviti pendidikan yang membawa kepada kejayaan sahsiah dan pencapaian pelajar.

Selain itu, pengetua perlu menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran serta menjadi pencetus, penggerak dan pembina tamadun Islam (Azrin, 2015). Berdasarkan pernyataan ini, jelaslah bahawa pelaksanaan amalan Pengurusan Islam dapat membentuk satu kawalan bagi memastikan perlakuan ahli-ahli organisasi sentiasa selaras dengan sistem nilai dan etika kerja. Natijah daripada pelaksanaan dan amalan nilai murni dalam konteks pengurusan sekolah dapat menyumbang ke arah prestasi dan kualiti perkhidmatan serta memberi kesan pada keharmonian dan kesejahteraan warga sekolah (Siti Arni, Bharudin dan Raja Hisyamudin, 2010). Perkhidmatan cemerlang, pencapaian matlamat yang maksimum dan pengurusan berkualiti merupakan matlamat utama setiap organisasi sekolah. Semua ini tidak akan tercapai tanpa wujudnya budaya kerja yang berlandaskan nilai etika kerja Islam. Oleh itu, penghayatan nilai-nilai Islam merupakan satu bimbingan ke arah pembentukan akhlak yang mulia dalam menggerakkan guru-guru untuk memberi sumbangan yang lebih berkesan dalam meningkatkan prestasi dan kecemerlangan sesebuah sekolah.

### **KESIMPULAN**

Pengurusan hari ini menekankan pendekatan amalan pengurusan Islam yang berkualiti, menyeluruh dan strategik dapat menentukan masa depan yang cerah bagi sesebuah organisasi. Aspek tersebut dilihat dapat membimbing sesebuah organisasi untuk berdaya saing, bertahan dan berjaya dalam persekitaran yang berubah.

Tuntasnya, tunjang untuk matlamat ini direalisasikan terletak pada bahu seorang Pengetua Cemerlang yang mampu mengurus secara Islamik di sekolah pimpinannya secara berterusan. Bukan hanya ilmu mentadbir yang dipertaruhkan dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah, tetapi keterampilan dan amalan juga perlu seiring bagi mencapai pengurusan islamik yang membuahkan hasil dan meninggalkan impak yang berkesan.

Amalan pengurusan Islam di kalangan Pengetua Cemerlang jelas berjaya membentuk satu organisasi sekolah yang hebat dan tersusun kerana dilaksanakan dalam satu kerangka yang diredhai Allah SWT. Ini merupakan satu alternatif agar kelestarian sekolah seiring dengan tuntutan pihak yang berkepentingan dan membuktikan keberkesanan pendidikan alaf 21 itu sendiri. Dengan itu, amalan pengurusan Islam di sekolah perlu diteruskan untuk melahirkan generasi Rabbani yang cemerlang di dunia dan akhirat melalui sistem pengurusan yang holistik dan mendapat mardatillah.

## RUJUKAN

- Al-Quran Al Karim. (2013). Karya Bestari. Shah Alam, Selangor.
- Ab. Aziz, Y. (2007). *Keinsanan Dalam Pengurusan*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, Malaysia.
- Ab Mumin, A. G., Siti Arni, B., & Hasan Al-Bana, M. (2012). Kesan Sistem Pengurusan Yang Islami Dan Holistik Terhadap Kepuasan Pekerja Dalam Mendepani Realiti Serta Cabaran Masa Hadapan. *World Conference on Islamic Thought 2012: Contemporary Challenges and Realities (WCIT2012)*, (September), 11–12.
- Ab Shukor Abdullah. (2004). Ucapan Utama: Kepimpinan Unggul Tonggak Bidang Pendidikan Cemerlang. *Prosiding Seminar Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan ke-12*. Institut Aminuddin Baki, Genting Highland
- Abdullah, M. M., Uli, J., & Tari, J. J. (2008). The Influence of Soft Factors on Quality Improvement and Performance. *The TQM Journal*, 20(5): 436-452
- Abdul Majid bin Omar. (2013). *Pembentangan Kertas kerja: Kempen 'Sah Nikah, Sah Nasab'*. Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti, JAKIM. Bangi: Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM).
- Ahmad Ibrahim Abu Sin. (1991). *Pengurusan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alimuddin Hj Mohd Dom (2006). *Outstanding Leaders: Membina Sekolah Cemerlang*. Selangor: Sektor Penaziran Kepimpinan Institusi Pendidikan Jemaah Nazir Sekolah.
- Anwar Ramah Sherif & D. Mahmoud Mohamed Ali. (2012). Leadership Styles of Managers of Arab Schools in Malaysia, Their Relationship to Morale. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(6): 744-751, ISSN 1995-0772.
- Ayob Jantan. (2005). *Pengetua Sekolah yang Efektif*. Kuala Lumpur: Penerbitan PTS.
- Ayunni Jasni. (2013). Kepimpinan Pengetua Cemerlang di Daerah Muar Johor. Ijazah Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azrin Ibrahim. (2015). Accountability (Hisbah) in Islamic Management: The Philosophy and Ethics behind its Implementation. *International Journal of Humanities and Social Science*. Vol. 5, No. 8; August.
- Bity Salwana Binti Alias. (2009). *Analisis Kompetensi, Kualiti Peribadi, Kemahiran dan Amalan Pengetua Dalam Bidang Pengurusan Sekolah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cattell, S. (2004). National Standard for Head Teacher in Wales. *Consultation Document School Leadership*. [www.learning.wales.gov.uk](http://www.learning.wales.gov.uk)
- Faridah Jair; Nurafiqah Mohd Taip. (2013). Pengenalan Pengurusan Islam. <https://maruwiahacis.wordpress.com>.
- Gadenne, D., & Sharma, B. (2009). An Investigation of the Hard and Soft Quality Management Factors of Australia SMEs and Their Association with Firm Performance. *International Journal of Quality & Reliability Management*, 26(9): 865-880.
- Ghani, M. F. a, Siraj, S., Kassim, R., Kenayathulla, H. B., Marzuki, S. C., & Elham, F. (2013). Amalan Sekolah Cemerlang Di Sekolah Berasrama Penuh Dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama: Satu Perbandingan. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(2), 30–50. Retrieved from [http://ojie.um.edu.my/filebank/published\\_article/4852/Article\\_4\\_V\\_1\\_Issue\\_2.pdf](http://ojie.um.edu.my/filebank/published_article/4852/Article_4_V_1_Issue_2.pdf)
- Gurr, D & Drydale, L. (2007). Models of Successful Leadership: Victorian Case. Day, C & Leithwood (eds.) *Successful Principal Leadership in Times of Change*. Netherlands: Springer.
- Hailan Salamun. (2010). *Kepemimpinan Rabbani di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Tesis Kedoktoran Falsafah tidak diterbitkan, Universiti Malaya. Lembah Pantai: Kuala Lumpur.
- Hallinger, P & Murphy, J. (1985). Assessing the Instructional Management Behavior of Principals. *Elementary School Journal*, 86(2), pp217-247.
- Hasan Al-Banna, M., Ab. Mumin, A. G., & Siti Arni, B. (2013). Sistem Pengurusan Islam yang Berkualiti Mampu Menjamin Kepuasan Pekerja: Suatu Realiti dan Cabaran Masa Hadapan. *Global Journal al-Thaqafah (GJAT)*, Vol 3, Isu 1, ISSN 2232-0474.



- Hasan Al-Banna & Siti Arni. (2011). Pemantapan Sistem Pengurusan Islam Berkualiti Melalui Konsep Tawhidi, Budaya Itqaan dan Nilai Ihsan. World Congress on Islamic Systems 2011 (World-ISLAM 2011): <http://www.researchgate.net/publication/216259962>
- Hersey, P. Blanchard K.H. & Johnson D. E. (2001). *Management of Organizational Behaviour Leading Human Resources*. Ed. Ke-8. New Jersey: Prentice Hall.
- Hussein Ahmad. (2014). Cabaran Transformasi Pendidikan Awam Malaysia (Analisis Dasar Strategik PPPM (2013-2025). In *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 15(14-42)
- Ibrahim, I., & Don, Y. (2014). Kepimpinan Ervant dan Pengaruhnya Terhadap Pengurusan Perubahan di Sekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 19-26.
- Ibrahim Mamat. (2005). *Mengenalpasti Unsur-Unsur Berkualiti Di Sekolah-Sekolah Cemerlang Di Daerah Rompin, Pahang Darul Makmur*. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Imam Jalaludin Al-Jami' usshoghir. Jil 2. Darul Fikir.
- Izzaty Ulya Munirah binti Abd Aziz, Ahmad Irdha Mokhtar & Zulkefli Aini. (2015). Ihsan dalam Pengurusan Organisasi Islam. <http://www.ukm.my/skim>
- Jemaah Nazir Sekolah. (2004). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia – Sekolah, Pernyataan Standard*. SKPM Edisi Disember. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025*. Kuala Lumpur.
- Keow, T., & Zainab Ali. (2014). Kepemimpinan Kemahiran Insaniah dan Pengurusan Kurikulum Pengetua di Sekolah Berprestasi Tinggi (Leadership Soft Skills and Curriculum Management of Principals in High Performing School). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 77–82. Retrieved from [http://www.ukm.my/jurfpnd/JPM 39\(1\) 2014/9 Kepimpinan Kemahiran.pdf](http://www.ukm.my/jurfpnd/JPM%2039(1)%202014/9%20Kepimpinan%20Kemahiran.pdf)
- Khasif Muhammad. (2005). Run Ernest Cyril De, Abdul Rehman Mohsin and Ting Hiram, "Bringing Islamic Tradition Back to Management Development: A New Islamic Tradition Back to Management Development: A New Islamic Dawah Based Framework to Foster Workplace Ethics", *Journal of Islamic Marketing* 6, no. 3, 429-446.
- Leithwood, K & Day, C. (2007). Starting With What We Know. Dalam Day, C & Leithwood (eds.) *Successful Principal Leadership in Times of Change*. Netherlands: Springer.
- Liu, J., & Wilson, J. A. J. (2011). The Impact of Culture and Religion on Leadership and Management Training: A Comparison of Three Continents, 33, 29–36.
- Lokman bin Abdul Rasol. (2013). Pengurusan Kualiti Menurut Perspektif Islam: Kajian di Majlis Perbandaran Subang Jaya. Disertasi, Universiti Malaya.
- Misyati Binti Amat Sehab (2011). *Pelaksanaan Pengurusan Strategik Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Agama Di Selangor*. Laporan Penyelidikan Ijazah Sarjana Kependetaan Universiti Malaya.
- Mohd Affandi Hassan (1985). Pengurusan, Pentadbiran dan Kepemimpinan dalam Pembinaan Tamadun Manusia. *Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Pentadbiran Islam Peringkat Kebangsaan*, UKM, Bangi, Selangor. Pada 9-10 Mac.
- Mohd Amran Che Mat. (2008). *Amalan Terbaik Kepimpinan Pengetua Di Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Kota Bharu, Kelantan*. Laporan Penyelidikan Ijazah Sarjana Kependetaan Universiti Malaya.
- Mohd Razi Yahya (2013). *Amalan Kepemimpinan Rabbani Pengetua di Sebuah MRSM Ulul Albab*. Laporan Projek Penyelidikan Untuk Memenuhi Sebahagian daripada Keperluan Ijazah Sarjana Kependetaan Universiti Malaya.
- Mohd Yusof Abdullah. (2013). Sistem Pengurusan Konvensional Jadi Amalan Di Negara Sedang Membangun. [eprints.ums.edu.my/6681/1/0001.pdf](http://eprints.ums.edu.my/6681/1/0001.pdf)
- Norasmah Othman & Kamaruzzaman Moidunny. (2008). Keberkesanan Program Kelayakan Profesional Kependetaan Kebangsaan (NPQH): Cadangan Penambahbaikan. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. Jilid 18, Bil 01 (m/s 37). Institut Aminuddin Baki (IAB).
- Northouse, P.G. (2007). *Leadership: Theory and Practice*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Razaleigh Muhamat@Kawangit. (2015). *Kepimpinan dan Pengurusan Islam: Sejarah, Teori dan Pelaksanaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Razali Othman. (2006). *Hubungan Gaya Kepemimpinan Pengetua Dengan Tahap Kesediaan dan Kepuasan Kerja Guru Kanan Mata Pelajaran Sekolah Menengah Negeri Pahang*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Sadeq, A. H. M. & Ahmad, A. K. (2004). *Quality Management: Islamic Perspectives*. Islamic Foundation, Bangladesh.
- Shahril@Charil Marzuki. (2010). *Kepemimpinan Pengetua: Menjana Modal Insan di Sekolah Berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd
- Siti Arni Basir. (2013). *Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Islam MS 1900: Kajian Kes di Pusat Zakat Melaka*. Makalah, Prosiding Seminar Antarabangsa - International Convention on Islamic Management (ICIM 2014), Jabatan Shari'ah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) dan Akademi Pengurusan YaPEIM. Kuala Lumpur, 27-28November, 1-13.

- Siti Arni Basir, Bharudin Che Pa & Raja Hisyamudin Raja Sulong (2010). Suntikan Nilai-Nilai Islam ke atas Pelaksanaan Penambahbaikan Berterusan dalam Konteks Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ISO 9000. *Jurnal Syariah*, 18(1): 91-122.
- Suffian Bin Hj Jalet. (2009). Gaya Kepimpinan Pengetua Cemerlang Wanita Sarawak. Universiti Malaysia Sarawak. Sarawak.
- Wei Boon Quah & Jamilah Ishak. (2017). Persepsi Staf Terhadap Pengurusan dan Pentadbiran, Kriteria Kecemerlangan dan Hubungannya. <https://www.researchgate.net/publication/316623021>